

Integrasi Naqli dan Aqli dalam Pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

The Integration of Naqli and Aqli in Teaching Arabic for Specific Purposes (ASP) in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

YUSLINA MOHAMED
HAZLINA ABDULLAH
MESBAHUL HAQUE
SULAIMAN ISMAIL

ABSTRAK

Kursus Bahasa Arab untuk tujuan khas telah diperkenalkan di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ditawarkan kepada pelajar bahasa Arab dan komunikasi di peringkat sarjana dan pascasiswazah di Universiti Sains Malaysia (USIM) sejak tahun 2005. Ia adalah kursus wajib yang dibangunkan selaras dengan Misi Universiti “USIM 16” iaitu USIM akan menjadi pusat rujukan serantau dunia dalam integrasi Naqli dan Aqli. Fakulti pengajian Bahasa Utama (FPBU) memainkan peranan memperkasakan program yang ditawar berintegrasikan Naqli dan Aqli dalam semua kursus. Dengan demikian, kajian ini bertujuan mengetahui bagaimana pensyarah mengimplementasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui bahan-bahan yang digunakan dalam kuliah. Penyelidik telah menemui bual 5 pensyarah yang mengajar kursus ASP untuk mendapatkan data implementasi tersebut. Penyelidikan kualitatif ini akan mengkaji integrasi Naqli dan Aqli dalam ASP untuk mengetahui model-model yang telah diguna pakai oleh pensyarah dalam pengajaran mereka. Dapatkan kajian merumuskan bahawa tiada model khas yang dirujuk atau digunakan dalam PdP ASP. Walau bagaimanapun, semua pensyarah telah mengimplementasikan Naqli dan Aqli dalam PdP.

Kata kunci: Bahasa Arab Tujuan Khas (ASP); integrasi naqli dan aqli; implementasi

ABSTRACT

Arabic for specific purpose (ASP) courses have been introduced by Faculty of Major Languages Studies are offering to the Arabic Language and Communication both undergraduate and postgraduate students in Islamic Science University of Malaysia (USIM) since 2005. It is compulsory subjects under the above program. To in line with the University Mission “USIM 16” that USIM will be the regional reference centre for integration Naqli and Aqli in the world. The Faculty of Major Languages Studies takes part to empower the courses of integrating Naqli and Aqli in all subjects offered by the faculty. ASP has been integrated Naqli and Aqli in teaching and learning through resources have been using by lecturers in the faculty to find out how lecturers integrate Naqli and Aqli in their daily teaching, the researcher has distributed the questionnaire to all 5 lecturers who are involved in teaching this subject to obtain the implementation data. This qualitative research will investigate integration Naqli and Aqli in ASP to find out the existence models have been using by those lectures in their teaching. The findings conclude that no specific model is referred to or used in teaching of ASP. However, all lecturers have implemented Naqli and Aqli in their teaching using their own method.

Keywords: Arabic for Specific Purposes (ASP); integration of naqli and aqli; implementation

PENGENALAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah institusi pengajaran awam yang ke-12 di Malaysia. Sebagai sebuah universiti, USIM bergerak dengan hala tujunya yang tersendiri mengarah ke hadapan mencapai kemajuan dalam pembentukan modal insan yang berteraskan integrasi Naqli dan Aqli bagi melahirkan siswa yang berkemahiran tinggi, berdaya saing dan holistik.

Bagi mencapai visi dan misi USIM sebagai sebuah universiti yang mendokong integrasi Naqli dan Aqli, USIM mewajibkan semua pusat tanggungjawabnya agar dapat mengintegrasikan Naqli dan Aqli dalam pengajaran dan pembelajaran PdP sekurang-kurangnya 30%. Ini bertujuan merealisasikan integrasi Naqli dan Aqli dalam PdP dan seterusnya dapat memenuhi impian USIM 2016 sebagai sebuah pusat rujukan Naqli dan Aqli di dunia.

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) adalah di antara pusat tanggungjawab yang telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berteraskan integrase ilmu Naqli dan Aqli dalam setiap kursus yang ditawarkan. Integrasi ini seharusnya didokumentasikan dengan baik agar ianya dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang. Bahasa Arab Tujuan Khas atau *Arabic for Specific Purposes* (ASP) merupakan kursus wajib bagi program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dan Sarjana Bahasa Arab Komunikasi di FPBU. Dengan demikian, Integrasi Naqli dan Aqli dalam PdP bagi kedua-dua program yang ditawarkan memainkan peranan penting bagi melahirkan insan yang bersahsiah tinggi, berakhlik mulia dan seimbang duniaawi dan ukhrawi.

LATAR BELAKANG

Amalan PdP secara umumnya telah mendokong falsafah pendidikan negara iaitu membentuk insan yang seimbang Jasmani, Emosi, Rohani dan intelektual (JERI). Ianya juga selari dengan falsafah Pendidikan Islam yang digariskan berasaskan al-Quran dan hadis. Maka, al-Quran dan hadis merupakan sumber rujukan utama dalam disiplin Pendidikan Islam. Al-Quran dan hadis adalah sumber dalil Naqli yang tidak boleh diragui kedudukannya sebagai sumber-sumber hukum. Dalil Naqli adalah dalil yang diambil dari firman Allah yang terdapat di dalam al-Quran dan sabda nabi dalam hadis-hadisnya. Para sarjana Islam (*Islamic scholar*) telah bersepakat mewajibkan istidlal dengan dalil Naqli. Ini kerana al-Quran diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW secara *tadrij* iaitu sedikit demi sedikit. Dengan demikian, maka dapat difahami bahawa dalil Naqli adalah dalil yang bersumber dari al-Quran, as Hadith dan *Ijma'* (Kesepakatan) para ulama yang diambil dari intisari al-Quran dan Hadis (Rashed & Tamuri 2014). Dalil ini merupakan dalil asas yang menjadi dasar dalam penetapan hukum Islam dan aqidah.

Manakala dalil Aqli (Zetty & Ab Halim 2015) adalah dalil yang disandarkan pada aqal, iaitu dalil yang disepakati oleh sarjana-sarjana Islam mengikut logik akal yang mengambil kira segala aspek kehidupan termasuk hukum alam. Adapun pengertian dalil Aqli adalah dalil yang bersandarkan akal fikiran manusia. Dalil ini tidak boleh disandarkan secara mutlak. Namun dalil ini seringkali digunakan untuk memperkuuhkan dalil-dalil Naqli yang sedia ada.

Naqli dan Aqli dalam Bahasa Arab Tujuan Khas merupakan satu disiplin ilmu yang bersifat kontemporari dalam pengajian Bahasa Arab Terapan

(Applied Linguistic) (Yuslina 2011). Bidang Bahasa Arab ujuan Khas ini hanya terikat kepada beberapa bidang yang praktikal sahaja, seperti: Bahasa Arab untuk kewartawan, Bahasa Arab untuk Ekonomi, Bahasa Arab untuk Diplomat, Bahasa Arab untuk Ulum Islamiyyah dan sebagainya. Bidang-bidang ini akan bergantung sepenuhnya kepada keperluan samada dari individu atau agensi. Penerapan Naqli dan Aqli dalam Bahasa Arab Tujuan Khas ini bukanlah sesuatu yang baharu dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana Bahasa Arab itu sendiri mempunyai hubungan secara langsung dengan ilmu Naqli dan Aqli, iaitu hubungan dari segi kosa kata, frasa, leksikal, semantik yang terikat dengan gaya bahasa yang digunakan dalam al-Quran dan Hadis. Selain itu, hubungan morfologi dan sintak dengan kosa kata adalah hubungan yang jelas kerana dalil (*Mauthin syahid*) atau contoh morfologi dan sintak itu adalah contoh yang digunakan di dalam al-Quran dan hadis.

Menurut Rusydi (2003), beberapa elemen penting yang perlu dititikberatkan oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam pembinaan silibus, kurikulum dan modul iaitu dengan mengambil kira asas-asas penting seperti Asas Budaya (*Usus Thaqafiyah*), Asas Agama (*Usus Diniyyah*), Asas Pendidikan (*Usus Tarbawiyyah*) dan sebagainya sebelum membentuk kurikulum pengajaran dan pembelajaran untuk Bahasa Arab Tujuan Khas ini. Maka di sini kita dapat melihat bahawa Asas Agama merupakan elemen penting yang berkait secara langsung dengan Naqli dan Aqli. Ini kerana ciri-ciri sesuatu disiplin ilmu itu mesti diintegrasikan ruh agama yang bertujuan membentuk akhlak pelajar selari dengan falsafah pendidikan.

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) telah memperkenalkan disiplin-disiplin ilmu Bahasa Arab Tujuan Khas dalam program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi (SMBak). Sebanyak empat (4) kursus *ASP* yang perlu diikuti oleh pelajar di FPBU bagi melengkapkan syarat bergraduasi. FPBU telah menyediakan dokumen rangka kursus (*Course Outlines*) untuk campuran disiplin (*Discipline Merged*) Bahasa Arab tujuan Khas, seperti berikut (Fpbu. 2014.E-Panduan):

1. Bahasa Arab Komunikasi dan Kebudayaan (ACC).
2. Bahasa Arab Kemasyarakatan dan Kesihatan (ASH).
3. Bahasa Arab Profesional dan Teknologi (APT).
4. Bahasa Arab Pengurusan, Ekonomi dan Pelancongan (AMET).

PENERAPAN DAN PERLAKSANAAN ELEMEN NAQLI DAN AQLI DALAM BIDANG BAHASA ARAB TUJUAN KHAS (ASP)

Perlaksanaan elemen Naqli dan Aqli dalam bidang Bahasa Arab Tujuan Khas bermaksud mengintegrasikan Wahyu dan hadith serta logika dalam pengajaran dan pembelajaran melalui penghayatan yang tinggi terhadap metafora, anafora, aliterasi, asonansi, diksi, personafikasi, simili, hiperbola, bombastik, paradok, repitasi, inversi, responsi, epifora, sinkop dan kiasan yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadis yang merupakan gaya bahasa ilmu Retorik (*Uslub Balaghi* dalam Bahasa Arab) (Yuslina et al. 2013) yang merupakan sebahagian dari kandungan bahan pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas yang merangkumi semua aspek pedagogi pendidikan. Jika dilihat, Istilah ‘pendidikan’ merupakan satu terminologi yang sarat dengan ciri semantik yang bertujuan merubah atau membentuk tingkah laku seseorang individu atau pelajar (Ura Pin, Norasmah O. & Jamil A. 2010). Maka perubahan individu melalui Pendidikan ke arah yang positif dan berpengetahuan merupakan salah satu ciri-ciri Pendidikan Islam yang dituntut. Dengan demikian, Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Tujuan Khas yang berintegrasi Naqli dan Aqli dapat dilihat dengan jelas melalui modal insan yang dihasilkan.


Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Tujuan Khas dan penerapan Naqli dan Aqli dalam bidang atau lapangan yang berbeza seperti komunikasi, kebudayaan, kemasyarakatan, kesihatan, profesional, teknologi, pengurusan, ekonomi dan pelancongan dapat mempertingkatkan kemahiran pengayaan bahasa yang bersifat Islamik dalam kalangan pelajar. Disiplin Bahasa Arab Tujuan Khas (ASP) yang diperkenalkan di Fakulti Pengajian Bahasa Utama adalah satu disiplin ilmu yang bersifat *tatbiqi* iaitu praktikal, iaitu dengan mempraktik asas-asas bahasa seperti: kosa kata, frasa, istilah-istilah, peribahasa dan ayat Bahasa Arab yang khasus dalam bidang-bidang seperti di atas dalam situasi dan konteks yang berbeza. Juga, asas-asas bahasa tersebut akan dipelajari dengan mengaitkannya dengan ciri-ciri Fonologi, Morfologi, Sintaks, Leksikal dan Semantik yang terdapat pada asas-asas bahasa seperti dalam contoh pada rajah berikut:

وقد اندلعت أولى فاشيّات المرضى في القرى النائية: ت س أو ت ف/ خصائص صوتية/ خصائص معجمية/ خصائص صرفية/ خصائص نحوية/ خصائص دلالية.

خصائص معجمية: فاشيات لفظ جمع مفردتها (فاشية) من مادة ف - ش - ا، فشا: فش خبره يفسو فشوا وفشيما: انتشر وذاع، كذلك فشا فضله وعرفه وأفشاه هو ؛ قال: إن ابن زيد لا زال مستعملا بالخير يفشي في مصره العرفا

ويقال: تقشّى بهم المرض وتقشّاه المرض إذا عهم. خصائص صرفية: كلمة فشا: فعل ثلاثي لازم على وزن فعل، فشا، يفسو، فشوا، وهو فعل معتل الآخر.

Penerapan Naqli dan Aqli dalam ASP ini juga dapat dilihat dari *mauthin syahid* penggunaan asas-asas bahasa yang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Kursus Bahasa Arab Tujuan Khas (ASP) ini diperkenalkan di Fakulti Pengajian Bahasa Utama dengan tujuan membimbing pelajar agar dapat berkomunikasi dalam lapangan atau bidang tertentu serta dapat menggunakan kosa kata dan frasa kata yang betul dan tepat dalam percakapan dan penulisan. Komunikasi Bahasa Arab Tujuan Khas telah diekstrak dari komunikasi yang terdapat dalam al-Quran, seperti mana diketahui bahawa al-Quran adalah sebuah kitab yang mengandungi berbagai macam bentuk komunikasi. Jika ditinjau dari perspektif Islam, al-Quran mengandungi khabar gembira (بشيرا) dan peringatan (نديرا). Namun, jika ditinjau dari ilmu komunikasi ayat-ayat Al-Quran maka, dapat dikategorikan kepada beberapa bentuk komunikasi, diantaranya, komunikasi interpribadi, antarapribadi, antarabudaya, kelompok dan sebagainya (Yuslina 2011; Yuslina et al. 2013). Terdapat ayat-ayat al-Quran yang membahaskan secara spesifik dengan perspektif ilmu komunikasi seperti dalam juz 29 dan Juz 30. Penerapan Naqli dan Aqli dapat dilihat dari tatacara dan gaya komunikasi yang digariskan dalam al-Quran yang telah dijadikan panduan dalam pengajaran ASP. Tatacara komunikasi yang baik akan reflek kepada kandungan bahan pengajaran semasa. Integrasi Naqli dan Aqli dalam ASP dapat dilihat seperti gambar di bawah.



RAJAH 1. Integrasi Naqli dan Aqli dalam Bahasa Arab Tujuan Khas (ASP)

KONSEP INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI USIM

USIM telah menyediakan panduan sebagai rujukan. Ia menjadi polisi dan kod amalan PdP di USIM. Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli secara amnya, bermaksud penjanaan ilmu baharu yang berteraskan kepada sumber dan metodologi ilmu yang selari dengan kerangka ajaran Islam. Pendekatan yang berpaksiakan tauhid, bersendikan syarak dan beralaskan adab ini mencakup kedua-dua aspek material dan metafizik serta lebih komprehensif dan bersesuaian dengan fitrah dan peranan manusia sebagai khalifah Allah di bumi. Ia juga mampu menyelesaikan pelbagai isu masyarakat dari sudut pandang yang holistik selain berpotensi mengubah landskap dan paradigma ilmu di masa depan seperti yang pernah berlaku di pentas sejarah dunia suatu masa dahulu. Terdapat empat *Mustawa* integrasi ilmu Naqli dan Aqli yang menjadi amalan dalam PdP, iaitu (Polisi Pengajaran dan Pembelajaran berteraskan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli 2018):

1. *Mustawa al-Ta'sil* (Pengayatan)

Merujuk kepada penggunaan sumber asas ajaran Islam sebagai rujukan iaitu al-Quran, Hadis, dan kitab-kitab turath yang muktabar. Pada tahap ini, sesuatu konsep atau teori dalam ilmu Aqli cuba dipadankan dan dihubungkaitkan dengan sumber-sumber agama Islam yang kelihatan relevan. Begitu juga sebaliknya ilmu Naqli dihubungkan dengan ilmu Aqli yang ada kaitan dengannya seperti teori dan falsafah saintifik. Pemadanan biasanya dilakukan secara langsung (*direct*) dan

berasarkan teks tanpa melibatkan pertimbangan epistemologi dan paradigma ilmu Naqli dan Aqli. Berperanan sebagai perintis jalan ke arah eksplorasi ilmu di peringkat selanjutnya, namun perlu dilakukan secara berhati-hati dan tidak sewenang-wenangnya upaya tidak memberikan implikasi yang negatif terhadap sumber agama Islam terutamanya yang melibatkan aspek teori dan spekulasi yang bukan *factual*.

2. *Mustawa al-Muqaranah* (Perbandingan)


Merujuk kepada perbezaan dan persamaan pendekatan antara ilmu Islam dan ilmu Aqli yang terhasil apabila pengaitan antara sesuatu konsep ilmu dan sumber agama tersebut diteliti dengan lebih mendalam. Hal ini memerlukan pemahaman, analisis dan pengkajian yang jelas bukan sahaja terhadap konsep ilmu tersebut bahkan juga aspek-aspek berkaitan epistemologi dan paradigma ilmu Naqli dan Aqli yang terlibat dan implikasinya terhadap sesuatu konsep ilmu yang terhasil.

3. *Mustawa al-Takyif* (Adaptasi)

Perbandingan yang dilakukan membolehkan proses memilih, menyaring, menilai, menyesuaikan dan menggunakan mana-mana prinsip, nilai dan kerangka ilmu yang tidak bercanggah dengan Islam dilakukan secara ilmiah dan saksama.

4. *Mustawa al-Takamul* (Integrasi)

Kejelasan yang terzahir daripada proses-proses sebelumnya membolehkan penggabungan dan pengaplikasian pelbagai disiplin ilmu dalam menghasilkan disiplin ilmu yang holistik menerusi kurikulum pengajaran yang ditawarkan. Kurikulum tersebut perlulah memenuhi keperluan



RAJAH 2. Garis panduan Asas Ilmu Naqli USIM

bidang ilmu dan industri semasa, selari dengan ajaran Islam dan pada masa yang sama membuka peluang untuk pengembangan dan penjanaan ilmu berdasarkan paradigma ilmu baharu untuk masa depan.

METODOLOGI

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui implementasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas (ASP) di kalangan pensyarah-pensyarah Bahasa Arab di FPBU. Melalui kaedah atau metode pengajaran yang dilaksanakan, maka ianya dapat disarankan sebagai salah satu kaedah yang digunakan semasa pengajaran Bahasa Arab (ASP). Pengukuran akan dilakukan dengan melihat kepada bentuk dan cara implementasi Naqli dan Aqli yang dilaksanakan dalam pengajaran berdasarkan model ADDIE. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengetahui kaedah, pendekatan serta model integrasi Naqli dan Aqli, halangan-halangan serta pandangan dan cadangan implementasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran Bahasa Arab (ASP). Kajian ini merupakan kajian gabungan kualitatif dan kuantitatif, iaitu mengumpul data temu bual yang dijalankan terhadap 5 orang pensyarah yang mengajar Bahasa Arab (ASP) di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM pada semester 1 dan 2 bagi sesi 2016/2017. Mereka telah berpengalaman mengajar kursus Bahasa Arab (ASP) melebihi sepuluh tahun. Sebanyak 10 soalan temu bual yang dibina berdasarkan keperluan-

keperluan integrasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran Bahasa Arab (ASP). Tujuan temu bual ini dijalankan adalah untuk mengetahui pelaksanaan integrasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran yang diamalkan oleh pengajar Bahasa Arab Tujuan Khas (ASP). Berdasarkan deskripsi data temu bual, penyelidik dapat merumuskan dan mencadangkan metode pengajaran yang berteraskan Naqli dan Aqli. Data temu bual telah dianalisis dan dimasukkan dalam kategori berikut:

1. Kefahaman mengenai integrasi Naqli dan Aqli.
2. Bentuk bahan Naqli dan Aqli yang digunakan.
3. Kaedah pengajaran dan pendekatan yang digunakan semasa integrasi Naqli dan Aqli.
4. Rujukan yang digunakan untuk pelaksanaan Naqli dan Aqli.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian terdiri dari lima (5) orang pensyarah yang berpengalaman melebihi 10 tahun mengajar kursus-kursus Bahasa Arab (ASP) untuk semester 1 dan 2 pada sesi 2016/2017. Mereka mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya ijazah sarjana Bahasa Arab. Untuk memastikan penyelidik mendapat sampel yang representatif dan menepati dengan kehendak kajian, maka penyelidik telah membuat penyemakan bahan, modul dan rangka kursus yang digunakan oleh setiap pensyarah semasa PdP.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, data menunjukkan bahawa 80% iaitu 4:1 dari pensyarah yang ditemubual memahami tentang integrasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas. Manakala 20% iaitu seorang sahaja daripadanya mengatakan bahawa ianya adalah satu kaedah baru yang perlu diimplimentasikan dalam pengajaran. Walau bagaimanapun kesemua 100% pensyarah telah mengintegrasikan Naqli dan Aqli dalam PdP mereka dalam tempoh 2 semester kajian dilakukan. Jika dikaitkan dengan wawasan USIM 2016 yang mana USIM berhasrat menjadi pusat rujukan Naqli dan Aqli di peringkat antarabangsa, maka USIM perlu menyediakan satu panduan asas integrasi yang mudah difahami dan dilaksanakan oleh semua latar belakang pensyarah. Ini kerana dapat dilihat masih terdapat keceleruan definisi, pemahaman, identifikasi takrifan tentang integrasi Naqli dan Aqli di kalangan pensyarah. Ia dapat dilihat berdasarkan jawapan yang diberi seperti berikut:


Hal ini adalah wajar jika dilihat pada latar belakang pensyarah yang mana kesemua mereka adalah dari pengkhususan Bahasa Arab. Walaupun didapati peratusan pensyarah yang memahami integrasi Naqli dan Aqli ini mencapai 80% iaitu

Q1:	what do you understand integrating Naqli and Aqli in teaching ASP?
(Pensyarah A):	“Integrate the sillibus with knowledge in Quran and sunnah with.”
(Pensyarah B):	“Choose new subjects to be taught to students. Not only that, but a modern teaching methods.”
(Pensyarah C):	“integrating quranic verses and good ideas into teaching.”
(Pensyarah D):	“Using Quranic & Prophetic Verses in some topics and give definition of ASP terms in islamic perspective & make its sentence correctly.”
(Pensyarah E):	“To my understanding in can be define as using both elements Naqli and Aqli in teaching ASP without neglecting any of both elements.”

RAJAH 3. Pemahaman Integrasi Naqli dan Aqli

seramai 4 orang, tetapi pencapaian pemahaman Naqli dan Aqli adalah tidak komprehensif dan hanya bersifat *surface* sahaja seperti Rajah 3 di atas. Iaitu sekadar memahami integrasi Naqli dan Aqli semasa aktiviti pemindahan ilmu berdasarkan al-Quran, Hadis dan akal fikiran dan menyampaikan Naqli dan Aqli tersebut seiring dengan isi kandungan bahan pengajaran.

■ Peratusan Integrasi Naqli dan Aqli



RAJAH 4. Peratusan Integrasi Naqli dan Aqli

Data juga telah mendapati bahawa kesemua pensyarah telah bersetuju bahawa tiada model atau teori yang *standard* yang digunakan sebagai rujukan dan panduan integrasi Naqli dan Aqli dalam PdP. Manakala peratusan integrasi Naqli dan Aqli pula berada di paras kurang dari 50%, ini menunjukkan bahawa pensyarah telah mengintegrasikan Naqli dan Aqli dalam PdP sekadar minimum sahaja. Ini dapat dilihat melalui gambar graf di atas.

Integrasi Naqli dan Aqli boleh dilaksanakan oleh pensyarah semasa aktiviti PdP sama ada secara *face to face* atau *non face to face*. Adapun cara mengendalikan

integrasi Naqli dan Aqli oleh pensyarah, penyelidik mendapati respons yang variasi, jelas menunjukkan bahawa tiada model integrasi khusus atau teori integrasi yang digunakan oleh pensyarah walaupun USIM telah mengeluarkan garis panduan integrasi Naqli dan Aqli. Ini dapat dilihat melalui integrasi yang dilaksanakan oleh pensyarah, antaranya ialah:

- (Pensyarah A): “Menggunakan ayat suci al-Quran yang berkaitan akidah dan tauhid.”
- (Pensyarah B): “Menekankan dan meneroka tentang tajuk-tajuk pelajaran.”

- (Pensyarah C): “Memulakan kelas dengan bacaan ayat al-Quran.”
- (Pensyarah D): “Aktiviti bersemuka dan sebaliknya.”
- (Pensyarah E): “Fokus elemen naqli Aqli yang tertentu dari aspek isi kandungan pelajaran.”

Pelbagai metode integrasi Naqli dan Aqli telah digunakan oleh pensyarah mengikut fahaman masing-masing, ia seolah-olah tiada garis panduan atau model khusus yang selaras digunakan dalam PnP. Ia juga dilihat seolah-olah tiada kesinambungan atau keserasian integrasi jika sekiranya mengikut kaedah pensyarah A, Manakala pensyarah B tidak melaksanakan integrasi Naqli dan Aqli dalam PdPnya. Jika sekiranya Integrasi Naqli dan Aqli hanya sekadar memulakan pelajaran dengan pembacaan ayat quran merupakan integrasi Naqli dan Aqli sepertimana yang diimplementasikan oleh Pensyarah C. Ianya tidak sukar untuk dilaksanakan. Bagaimanakah permulaan bacaan ayat quran itu diyakini dapat membentuk saksiah pelajar yang sepatutnya diintegrasikan bersama isi kandungan bahan pengajaran. Manakala, pensyarah D masih tidak dapat memahami integrasi Naqli dan Aqli dalam PnPnya, oleh itu beliau memberi pandangan bahawa integrasi Naqli dan Aqli ialah aktiviti *face to face* dan *non to face*. Perkara ini berlaku apabila tiada definisi yang *standard* dan teori-teori implementasi integrasi tersebut. Pensyarah E pula telah mengaitkan elemen Naqli dan Aqli dalam PnP berdasarkan tajuk bahan pengajaran tersebut, iaitu dengan menggabungjalin elemen Naqli dan Aqli bersama-sama bahan pengajaran mengikut kesesuaian bahan tersebut. Dengan demikian, kesan integrasi dapat dilihat pada diri pelajar serta amalan harian pelajar.

Peserta kesemuanya telah menyatakan bahawa mereka melaksanakan integrasi Naqli dan Aqli sama ada mengikut model sendiri atau model yang diguna pakai di USIM bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun partisipan menyatakan beberapa kekangan yang dihadapi semasa melaksanakan integrasi Naqli dan Aqli dalam PdP ini. Antara kekangan dan masalah yang dihadapi ialah:

- (Pensyarah A): “Tiada garis panduan yang jelas dan latihan untuk tujuan integrasi.”
- (Pensyarah B): “Perlu persediaan pembangunan bahan-bahan.”
- (Pensyarah C): “Tidak sesuai untuk diimplementasikan integrasi.”
- (Pensyarah D): “Tidak boleh diaplikasi.”

- (Pensyarah E): “Pengetahuan yang terhad tentang ilmu Naqli Aqli terutamanya berkaitan dengan kursus yang diajar.”

Kekangan tersebut berlaku disebabkan tiada garis panduan yang standard dan jelas sebagai rujukan pensyarah, serta kepakaran dalam Naqli dan Aqli ASP yang terhad. Bahan rujukan berkaitan implementasi Naqli dan Aqli juga sangat kurang walaupun konsepkan seakan-akan Islamisasi ilmu (Islamization of knowledge) yang lebih luas perbincangannya dan perbahasannya berbanding Integrasi Naqli dan Aqli.

Integrasi Naqli dan Aqli adalah satu pendekatan yang dilihat sangat baik sekiranya mampu dilaksanakan dalam PdP. Ini kerana ianya dapat melatih atau mendidik jiwa dan tingkah laku pelajar yang mengarah kepada ketaqwaan serta kehambaan kepada Allah. Ini kerana ramai pelajar-pelajar hari ini kurang kesedaran tentang ketaqwaan yang dapat dilihat melalui sikap, delinkuen, tingkah laku, tindakan yang tidak bermoral dan sebagainya yang menjadi punca kepada keruntuhan akhlak dalam masyarakat (Yuslina 2013).

Selain itu, Integrasi Naqli dan Aqli juga dapat melahirkan pelajar Muslim yang seimbang pengetahuannya dalam kedua-dua elemen Naqli dan Aqli. Dengan demikian pelajar yang seimbang ilmu pengetahuannya dapat menerapkannya dan mengaplikasinya dalam rutin kehidupan sehariannya sebagai seorang Islam. Menyedari keberadaannya di muka bumi ini serta tanggungjawab peribadinya sebagai seorang khalifah. Dengan integrasi tersebut, maka terbentuklah akhlak, saksiah dan tindakan seorang Muslim yang patuh pada agamanya. Manusia itu bergerak di landasan agamanya. Agamalah yang akan membentuk peribadi, tingkah laku dan tindakan.

Peserta telah mencadangkan agar perlu menyediakan satu garis panduan yang jelas dan perlu latihan perlaksanaan integrasi Naqli dan Aqli pada semua pensyarah agar misi USIM 2016 dapat dicapai. Juga dicadangkan agar dapat membangunkan semua kurikulum setiap kursus dengan integrasi Naqli dan Aqli. Disarankan juga agar dapat menyediakan satu model yang mudah difahami yang boleh diguna pakai oleh semua pensyarah dari pelbagai latar belakang bagi tujuan PdP. Latihan berterusan dan berperingkat perlu diadakan secara berkala ke arah mempertingkatkan kualiti integrasi Naqli dan Aqli ASP.

RUMUSAN

Perlaksanaan integrasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran ASP di Fakulti Pengajian Bahasa Utama masih berada pada tahap permulaan, Walaupun ianya telah dilaksanakan tetapi masih banyak kekangan dan kelemahan terhadap integrasi tersebut. Kecelaruan dan kurang pemahaman tentang integrasi Naqli dan Aqli yang perlu diimplimentasikan dalam pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di USIM disebabkan oleh kekangan pakar dalam membina model PdP khusus integrasi Naqli dan Aqli. Ia juga dianggap serius kerana akan melibatkan keseluruhan kursus yang ditawarkan di USIM. Pendekatan dan kaedah lebih mudah dibina berbanding dengan integrasi Naqli dan Aqli yang perlu kepada anjakan paradigma dalam membentuk satu teori kesinambungan ilmu Naqli dan Aqli sebagai rujukan dan panduan utama dalam PdP di USIM. Integrasi Naqli dan Aqli dilihat bias dan prejudis kerana ianya seolah-oleh mengaitkan ilmu pengetahuan dengan agama Islam. Juga dilihat agama Islam telah memonopoli ilmu pengetahuan. Bagaimana sekiranya pensyarah tersebut bukan beragama Islam. Bagaimanakah pula implimentasi integrasi ini berlaku. Ia merupakan satu isu yang sensitif apabila dikaitkan dengan bukan beragama Islam. Bagaimana pula pelajar-pelajar yang menerima pemindahan ilmu dari mereka yang tidak beragama Islam. Apakah ukuran integrasi Naqli dan Aqli yang boleh diguna pakai sebagai indikator perlaksanaannya dalam PdP.

Implementasi Naqli dan Aqli dalam ASP juga dapat dilihat dengan jelas melalui rangka kursus yang telah disediakan. Ianya termaktub dalam setiap topik yang telah diagihkan kepada 14 minggu kuliah. Walau bagaimanapun kewujudannya itu hanyalah pada rangka kursus sahaja kerana hakikatnya dalam pengajaran pensyarah tidak mengintegrasikan Naqli dan Aqli. Ini berlaku disebabkan pensyarah hanya bergantung sepenuhnya pada bahan atau buku teks ASP yang disediakan oleh moderator kursus. Dengan demikian, maka dapat disimpulkan bahawa pengajaran ASP berteraskan integrasi Naqli dan Aqli di FPBU masih berada diperingkat sumbangsaran atau permulaan. Untuk implimentasi sesuatu yang baru dalam pengajaran disarankan pihak berwajib dapat menyediakan panduan sebagai sumber rujukan setiap pensyarah agar objektif USIM 2016 menjadi pusat rujukan integrasi Naqli dan Aqli di dunia tercapai.

RUJUKAN

- Al-Qur'an Al-Kareem. Rasm Uthmaniyy.
- Ab. Rahim Bin Ismail. 1993. The Teaching of Arabic in the Faculty of Islamic Studies In the National University of Malaysia, Ph.D Research, England, UK: University of Salford.
- Kristen Gatehouse, Key Issues in English for Specific Purposes (ESP) Curriculum Development, The Internet TESL Journal www.khae-service.com
- Rashed, Z. N. & Tamuri, A. H. 2014. Kepentingan Integrasi Naqli dan Aqli Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Katalog BPS*, XXXIII (2): 81-87. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>.
- Rusydi Ahmad To'imah. 1982. Al Usus Al Mu'jamiyah Wa atthaqofiyah Li ta'līm Allughah Al arabiyyah Linnatiqin Bighairiha, Jamiah Ummul Qura, Makkah al Mukarramah: Maahad Al Lughah l-Arabiyyah.
- Rusydi Ahmad To'imah. 2003. Ta'līm Arabiyyah Li Aghrad Khossoh: Mafahimuhu Wa ususuhu wa Manhajiyatuhu, Nadwah Ta'līm Al-Lughah Arabiyyah Li Aghrad Khossoh, Sudan: Khartoum.
- Rusydi Ahmad To'imah, Mahmud Kamil Naqah. 2003. Ta'līm Arabiyyah Li Aghrad Khossoh, Morocco: ISESCO.
- Ura Pin @ Chum, Norasmah Othman, & Jamil Ahmad. 2010. Penyelidikan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 11: 184-212.
- Yuslina, M. et. al. 2013. A Method of classifying vocabulary and terminology in Arabic for Specific Purposes' (ASP): A tool to generate Arabic words, Conference paper, Islamic Innovation 2013, Malaysia: Nilai.
- Yuslina Mohamed. 2011. The Noun Phrases of Arabic for Journalism (AFJ) for Non-native Speakers, University of Jordan, Jordan: Amman.
- Yuslina Mohamed. 2012. A Model of Syllabus Design on Arabic for Military Purposes, Kuala Lumpur, Malaysia: i-Book Publication.
- Yuslina Mohamed, Ayad Abdullah, Ahmad Pangidoan Nasution. 2013. Al-Lughah al-Arabiyyah al-Ittosoliyyah Wa Atthaqofiyah, Nilai, Malaysia: Penerbit USIM.
- Yuslina Mohamed, Bhasah Abu Bakar, Noorhayati Hashim, Rashid Kirembwe. 2013. Al-Asolah Fi Arabiyyah Lil aghrad Khossah, *Jurnal Proceeding Dirasat Ijtima'iyyah* 18(36) Special Issue, March 2013. Sana'a', Yemen: University of Science and Technology.
- Yuslina Mohamed. 2013. Arabic for Hajj and Umrah i-Hajj, Poster Presentation, Islamic Innovation 2013, Universiti Sain Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia: Bandar Baru Nilai.
- Yuslina Mohamed. 2013. A Method of classifying vocabulary and terminology in Arabic for Specific Purposes' (ASP): A tool to generate Arabic words, Islamic Innovation Proceeding, Conference presentation, Fakulti Sains Teknologi, Negeri Sembilan: USIM Bandar Baru Nilai.

- Yuslina Mohamed, Zainal Abidin Hajib, Nawal Obeid
Dasuki & Kauthar Abdul Kadir. 2013. Quranic
Miracles in the Book of “Syafiah” written by Abdul
Qaher Jurjaani, *Global Journal Al Thaqafah* 3(2).
- Zetty Nurzuliana Rashed & Ab Halim Tamuri. 2015.
Kepentingan Integrasi Ilmu Naqli & Ilmu Aqli
dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *E-Jurnal
Pendidikan* 2: 1-30. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Polisi Pengajaran dan Pembelajaran berteraskan Integrasi
Ilmu Naqli dan Aqli USIM, 2018, <http://fpbu.usim.edu.my/> tarikh rujukan: 25/5/2017
<http://usim.edu.my/> tarikh rujukan: 25/5/2017
[http://www.tafsir.web.id/2013/04/tafsir-al-qiyamah-
ayat-1-15.html#sthash.Y8HQbET7.dpf](http://www.tafsir.web.id/2013/04/tafsir-al-qiyamah-ayat-1-15.html#sthash.Y8HQbET7.dpf)
FPBU. 2014.E-Panduan

Yuslina Mohamed (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 78100 Nilai
Negeri Sembilan
Email: yuslina@usim.edu.my

Hazlina Abdullah
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 78100 Nilai
Negeri Sembilan
Email: hazlina@usim.edu.my

Mesbahul Haque
Fakulti Pengajian Quran Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 78100 Nilai
Negeri Sembilan
Email: mesbahul@usim.edu.my

Sulaiman Ismail
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 78100 Nilai
Negeri Sembilan
Email: sulaiman.i@usim.edu.my

